



Semua Pelajar Program Prasiswazah  
Fakulti Teknologi & Sains Maklumat  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Saudara/i,

**PENGESAHAN KURSUS DAN DRAF JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I SESI AKADEMIK 2018-2019**

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa peperiksaan akhir Semester I Sesi Akademik 2018-2019 akan diadakan pada **31 Disember 2018 hingga 18 Januari 2019**.

Sehubungan itu, saudara/i dikehendaki membuat pengesahan kursus Semester I Sesi Akademik 2018-2019 melalui **SMPE** mulai **5 hingga 11 November 2018**. Dalam paparan di SMPE akan tersenarai kursus yang saudara/i daftar pada semester ini, saudara/i perlu menekan butang SAH jika semua kursus dipaparkan adalah betul. Semua pelajar **perlu** membuat pengesahan kursus ini untuk memastikan semua kursus yang saudara/i daftarkan telah tersenarai di dalam senarai pendaftaran kursus semasa. Saudara/i yang gagal membuat pengesahan kursus dalam tempoh masa yang ditetapkan akan dikenakan denda sebanyak **RM50.00**.

Draf jadual peperiksaan akhir Semester I Sesi Akademik 2018-2019 akan dipaparkan di laman web PKP bermula **6 November 2018**. Sekiranya terdapat percanggahan jadual peperiksaan, saudara/i dikehendaki memaklumkan kepada Unit Peperiksaan dan Pengijazahan PKP melalui emel [mazuna@ukm.edu.my](mailto:mazuna@ukm.edu.my) selewat – lewatnya pada **12 November 2018**.

Sekiranya saudara/i gagal membuat pengesahan atau pembetulan terhadap maklumat tersebut, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap. Jika semasa peperiksaan, saudara/i tidak hadir bagi kursus - kursus berkenaan, saudara/i akan diberi gred E (gagal).

Jadual Waktu Peperiksaan muktamad dipaparkan dalam Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) dan boleh dicetak dari SMPE mulai **6 Disember 2018**. Pelajar dinasihatkan menjelaskan yuran yang tertunggak **2 minggu lebih awal** daripada tarikh tersebut untuk mengelakkan sebarang kesulitan.


Saudara/i dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan persiapan saudara/i menduduki peperiksaan berjalan dengan lancar.

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Telefon: +603-8921 3376/4073 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: [mazuna@ukm.edu.my](mailto:mazuna@ukm.edu.my) Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**MAZUNA JAMALUDDIN**

Eksekutif Kanan

Unit Peperiksaan dan Pengijazahan

- s.k. - Ketua Bahagian Pengurusan Akademik  
- Penyelaras Program  
- Eksekutif, Unit Pengurusan Program dan Rekod Pelajar

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Telefon: +603-8921 3376/4078 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: mazuna@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)